



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS KOS BAHAN BINAAN OGOS 2025

Indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 1.1 peratus pada Ogos 2025

PUTRAJAYA, 11 September 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, OGOS 2025**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan bahawa indeks harga simen menunjukkan peningkatan pada Ogos 2025, iaitu antara 0.1 peratus sehingga 1.1 peratus berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi indeks harga bahan ini telah dicatatkan di Pahang (1.1%), diikuti dengan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.0%) dan Miri (0.6%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa indeks harga pasir meningkat pada Ogos 2025, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.1 peratus hingga 0.5 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks seunit bahan ini telah direkodkan di Perak (0.5%). Selain itu, indeks harga seunit besi (*rebar*) pula kekal tidak berubah bagi semua

kawasan kecuali penurunan dalam indeks di Terengganu & Kelantan (-1.0%), diikuti dengan Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Sibu (masing-masing -0.3%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh Ogos 2024 dan Ogos 2025 menunjukkan indeks harga seunit besi merekodkan penurunan antara negatif 4.6 peratus hingga negatif 12.9 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit bahan ini telah dicatatkan di Perak (-12.9%).

Tambahan itu, perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 0.3 peratus hingga 3.9 peratus pada Ogos 2025 berbanding bulan yang sama tahun lalu, bagi seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia juga telah menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan peningkatan kecil (0.1%) dengan purata harga RM3,491.35 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Julai 2025: RM3,488.65 per tan metrik). Selain daripada itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* juga telah mencatatkan peningkatan kecil (0.1%) dengan purata harga RM23.85 per 50 kg sekarung berbanding Julai 2025 (RM23.80 per 50 kg sekarung).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 0.6 peratus pada bulan Ogos 2025 berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini dicatatkan bagi semua kategori bangunan kecuali di kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Terengganu & Kelantan.

Sementara itu, IKB termasuk bar keluli di Sabah juga menunjukkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus dan 0.4 peratus bagi semua kategori bangunan dan kawasan pada Ogos 2025 berbanding bulan sebelumnya. Pada tempoh yang sama, IKB termasuk bar keluli di Sarawak merekodkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus hingga 0.3 peratus bagi semua kategori bangunan.

Berdasarkan sudut pasaran komoditi, menurut laporan daripada Shanghai Metal Market bertarikh 30 Ogos 2025, pasaran besi tetulang (*rebar*) di Malaysia kebelakangan ini masih berdaya tahan, dengan trend harga yang stabil dan mengukuh. Pusingan sokongan harga kali ini terutamanya didorong oleh peningkatan ketara dalam kos pengeluaran yang digabungkan dengan struktur bekalan yang semakin ketat, sekali gus menaikkan paras pasaran secara keseluruhan.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Ogos 2023 – Ogos 2025



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Ogos 2023 – Ogos 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2025**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

BUILDING COST INDEX, MALAYSIA AUGUST 2025

***The unit price index of cement recorded an increase between
0.1 per cent to 1.1 per cent in August 2025***

PUTRAJAYA, September 11, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, AUGUST 2025**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the unit price index of cement recorded an increase in August 2025, ranging from 0.1 per cent to 1.1 per cent as compared to the previous month. The highest increase was observed in Pahang (1.1%), followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.0%) and Miri (0.6%).

The Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of sand showed a slight increase in August 2025, with month-on-month change ranging from 0.1 per cent to 0.5 per cent. The highest increase was recorded in Perak (0.5%). Meanwhile, the unit price index for the unit price index of steel (rebar) remained unchanged in all areas except a slight decrease in the index for Terengganu & Kelantan (-1.0%), followed by Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Sibu (-0.3%), respectively.

An annual comparison for the period of August 2024 and August 2025 indicated that the unit price index for steel recorded a decline ranging from negative 4.6 per cent to negative 12.9 per cent involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease in the unit price index for steel was observed in Perak (-12.9%).

Nevertheless, the year-on-year comparison of the unit price index of cement increased between 0.3 per cent to 3.9 per cent in August 2025 as compared to the same month last year across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars, recorded a slight increase (0.1%) with an average price of RM3,491.35 per metric tonne as compared to the previous month (July 2025: RM3,488.65 per metric tonne). Meanwhile, the average price of Ordinary Portland cement also showed a slight increase (0.1%) with an average price of RM23.85 per 50 kg bag, as compared to July 2025 (RM23.80 per 50 kg bag).

A monthly comparison of BCI with steel bars for all building categories in Peninsular Malaysia recorded a slight increase ranging from 0.1 per cent to 0.5 per cent in August 2025 as compared to the previous month. The increase for BCI with steel was recorded for almost all building categories except in Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Terengganu & Kelantan.

Meanwhile, BCI with steel bars in Sabah recorded a slight increase between 0.1 per cent and 0.4 per cent for all building categories in August 2025 as compared to the previous month. During the same period, BCI with steel bars in Sarawak also registered a slight increase ranging from 0.1 per cent to 0.3 per cent for all categories of building.

On the commodity market perspective, based on the report released by Shanghai Metal Market dated on 30th August 2025, Malaysia's rebar market has recently remained firm, with prices showing a steady-to-strong trend. This round of price support is primarily driven by a significant rise in production costs combined with a tightening supply structure, jointly pushing up overall market levels.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, August 2023 – August 2025





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, August 2023 – August 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2025**